

# Minat aplikasi e-dagang

Saya berminat untuk menggunakan aplikasi e-dagang sedia ada untuk perniagaan yang dijalankan. Minta pandangan tuan.

- Ahmad, Pekan.

**T**ERIMA kasih. Terdapat banyak aplikasi e-dagang yang disediakan di internet. Jadi, perlu dilihat dari segi perkhidmatan e-dagang yang disediakan. Seterusnya, lihat kesesuaian perkhidmatan e-dagang yang disediakan dengan keperluan perniagaan yang dijalankan.

Kebiasaannya, aplikasi e-dagang ini menyediakan perkhidmatan seperti laman web, nama domain, ruangan

Diskusi  
ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

Utusan  
29/12/2014  
m/s: 10

khusus untuk membeli-belah, pengkatalogan produk, gerbang pembayaran, akaun e-mel, alat untuk pemasaran, alat untuk laporan, paparan untuk peralatan mudah alih dan lain-lain.

Dua aspek penting yang perlu diteliti untuk semua perkhidmatan e-dagang yang disediakan iaitu keselamatan dan mesra pengguna.

Seterusnya, disenaraikan beberapa aplikasi e-dagang yang disediakan oleh pihak ketiga untuk dibuat pilihan.

- BigCommerce - <http://www.bigcommerce.com>.
- Magento - <http://magento.com>.
- Shopify - <http://www.shopify.in>.
- WooCommerce - <http://www.woothemes.com/woocommerce>.
- Webs - <http://www.webs.com>.
- 3dcart - <http://www.3dcart.com>.

Sekiranya cukup kepakaran dan sumber, lebih baik aplikasi e-dagang ini dibangunkan secara dalaman oleh sesebuah organisasi.